

FENOMENA NIKAH SINDIKET: SATU PENYELESAIAN ATAU PENYESALAN?

Oleh: Amylia Fuziana Azmi (amyli2597@uitm.edu.my)



Ramai yang bertanggapan bahawa pernikahan sindiket adalah merupakan jalan keluar bagi pasangan yang mempunyai masalah di dalam membina mahligai perkahwinan. Bagi pendefinisan nikah sindiket, istilah "nikah sindiket" ini tidak mempunyai sebarang peruntukan undang-undang yang khusus kerana istilah ini digunakan oleh masyarakat bagi merujuk kepada pernikahan yang dilaksanakan dengan pengabaian prosedur operasi standard (SOP) perkahwinan yang ditetapkan.

Menurut Pegawai Penyelidik Kanan Pusat Kajian Syariah, Undang-Undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), pembongkaran kadar kegiatan nikah tanpa kebenaran terus mengejutkan dimana ia membabitkan jumlah pasangan melebihi 100, walaupun negara berhadapan dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).



Fenomena nikah sindiket adalah sinonim dengan situasi di mana pasangan yang ingin melangsungkan pernikahan tidak mendapat restu daripada pihak keluarga, isu keengganan wali untuk menikahkan pasangan, keinginan lelaki yang ingin berpoligami, perkahwinan pasangan di bawah umur, pasangan yang telah terlanjur dan lain-lain. Justeru, nikah sindiket dilihat sebagai alternatif yang paling relevan apabila pasangan menemui jalan buntu untuk menyelesaikan pertikaian dengan mencari jalan mudah untuk bernikah. Sehubungan dengan itu, Ghulam Khan et al. berpendapat bahawa fenomena nikah sindiket ini adalah merupakan masalah sosial yang telah lama wujud di Malaysia di mana ianya melibatkan pernikahan yang tidak mengikuti saluran yang diiktiraf oleh sistem perundangan di Malaysia.

Selain itu, sesuatu pernikahan dianggap sebagai nikah sindiket kerana terdapat unsur-unsur seperti menggunakan khidmat jurunikh yang tidak diiktiraf oleh undang-undang, mengeluarkan sijil nikah palsu atau sijil nikah asli yang dipalsukan. Justeru, nikah sindiket dapat dikaitkan dengan pernikahan yang tidak mendapat pengiktirafan oleh undang-undang di negara ini. Pernikahan ini dijalankan dengan kegagalan pasangan untuk mendapatkan kebenaran Jabatan Agama Islam dan Mahkamah Syariah. Malangnya, kebanyakan pasangan yang bermasalah untuk berkahwin menurut undang-undang lebih suka memilih alternatif untuk menjalankan pernikahan sindiket kerana proses yang dijalankan adalah jauh lebih mudah dan cepat.

Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa pernikahan seumpama ini memerlukan perhatian yang khusus kerana ianya memberi impak yang negatif bukan sahaja kepada pasangan itu sendiri malah ia turut memberi kesan negatif kepada institusi kekeluargaan yang turut melibatkan banyak pihak lain. Namun, sejauh manakah kefahaman masyarakat di negara kita mengenai bahayanya pernikahan sindiket serta implikasinya terhadap kehidupan pasangan serta institusi kekeluargaan itu sendiri. Merungkai persoalan ini, bagaimana pula dengan peruntukan undang-undang Islam di Malaysia? Adakah negara kita mempunyai peruntukan khusus bagi menyelesaikan isu seumpama ini?



Peruntukan Undang-Undang Berkaitan Pendaftaran Perkahwinan Di Malaysia

Secara umum, orang Islam adalah tertakluk kepada undang-undang negeri masing-masing. Sehubungan dengan itu, peruntukan undang-undang mengenai isu berkaitan perkahwinan orang Islam ini boleh dirujuk kepada Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri masing-masing.

Bagi **Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003** misalnya, peruntukan mengenai perkahwinan boleh dirujuk di **bahagian II, III & IV**, bermula dari **Seksyen 7-44**.

**Seksyen 19 Enakmen
Undang-Undang Keluarga
Islam Negeri Sembilan 2003**

dengan jelas mensyaratkan sesebuah perkahwinan untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak berikut sebelum diakadnikah.

**Seksyen 19
Kebenaran perlu sebelum
akad nikah:**

Tiada sesuatu perkahwinan boleh diakadnikahkan melainkan jika suatu kebenaran berkahwin telah diberikan —

- (a) oleh Pendaftar di bawah **seksyen 17** atau oleh Hakim Syarie di bawah **seksyen 18**, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di dalam Negeri Sembilan; atau
- (b) oleh pihak berkuasa yang hak bagi sesuatu Negeri, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di Negeri itu.

**Seksyen 28 Enakmen
Undang-Undang Keluarga Islam
(Negeri Sembilan) 2003.**

Merujuk kepada aspek pendaftaran perkahwinan di Malaysia, setiap pernikahan perlulah mendapatkan kebenaran Ketua Pendaftar Perkahwinan Penceraihan dan Ruju' (KPNCR), Jabatan Agama Islam Negeri. Perkara ini disebutkan dengan jelas di dalam **Seksyen 28 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.**




Selain itu, **Seksyen 39 dan 40 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003** turut menyenaraikan mengenai penalti-penalti yang bakal dikenakan kepada individu yang disabitkan dengan percanggahan yang melibatkan akad nikah dan pendaftaran sesebuah perkahwinan.



Implikasi Perkahwinan Yang Tidak Diiktiraf/ Didaftar

Penulis melihat kepentingan mengenangkan isu pernikahan yang tidak berdaftar ini atas beberapa faktor. Antaranya adalah bagi mengelakkan sebarang bentuk penganiayaan dan pengabaian mengenai kepentingan pasangan itu sendiri. Bayangkan jika pasangan sesebuah perkahwinan itu dizalimi, maka pengesahan pernikahan adalah sangat perlu dititikberatkan kerana ia melibatkan tuntutan hak selepas berlakunya perceraian. Selain itu, kegagalan pasangan untuk mendaftarkan perkahwinan juga mampu memberi kesan negatif seperti implikasi kepada status dan nasab anak yang dilahirkan dari perkahwinan tersebut. Malah, perkahwinan seumpama ini turut menyumbang kepada masalah pewarisan harta pusaka yang melibatkan kematian pasangan seperti masalah penamaan waris di sijil faraidh, pengagihan, pentadbiran harta dan sebagainya.

Dari aspek perundangan, kesalahan yang melibatkan pernikahan sindiket ini diperuntukkan dibawah bab perkahwinan tanpa kebenaran memandangkan ia berkait rapat dengan kegagalan sesebuah pernikahan dalam mengikut prosedur undang-undang yang ditetapkan. Justeru, pendaftaran sesebuah perkahwinan dapat disimpulkan sebagai maslahah bagi mendepani masalah-masalah berkaitan perkahwinan terutamanya jikaanya melibatkan penceraian diantara pasangan dan masa hadapan anak-anak itu sendiri.



Cadangan Dan Kesimpulan



Rata-rata masyarakat pada hari ini menyedari akan kepentingan hak-hak yang wujud setelah berlakunya penceraian. Namun, ramai yang masih belum cakna akan kepentingan di dalam menguruskan sesebuah perkahwinan dengan cara yang berhemah dan diakui oleh undang-undang. Oleh itu, dapatlah disimpulkan di sini bahawa fenomena nikah sindiket ini dilihat sebagai satu alternatif yang memberi impak yang negatif serta bertentangan dengan falsafah yang diperlukan di dalam membina institusi kekeluargaan, sekaligus mampu meruntuhkan nilai-nilai murni sesebuah institusi kekeluargaan itu sendiri.

Mendepani isu nikah sindiket ini, penulis berpendapat bahawa peruntukan sedia ada mengenai pendaftaran perkahwinan wajar dimanfaatkan kerana situasi semasa ini memperlihatkan bahawa peruntukan sedia ada masih belum mampu menangani fenomena ini dengan berkesan. Penulis juga percaya jika masalah ini terus dipandang remeh dan tidak diendahkan, nescaya ia akan memberikan kesan yang negatif kepada institusi kekeluargaan dan sekaligus memberi kesan kepada kehormatan agama dan keharmonian negara. Bagi mengatasi masalah ini, penulis berpendapat bahawa pengurusan pendaftaran perkahwinan yang cekap perlu diberi keutamaan di dalam usaha untuk memastikan pasangan yang ingin berkahwin tidak mengenepikan prosedur perkahwinan yang ditentukan oleh sistem perundangan di Malaysia.

Selain itu, setiap individu juga perlu sentiasa berwaspada dan memahami akan risiko yang bakal dihadapi jika terlibat dengan aktiviti nikah sindiket ini. Kefahaman mengenai keperluan untuk mematuhi undang-undang yang ditetapkan juga perlu diterapkan di dalam diri setiap individu kerana undang-undang yang wujud ini tidak lain hanya untuk melindungi kehidupan pasangan dan memastikan agar hak pasangan terabit kekal terpelihara jika sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku.

RUJUKAN

BH Online, Mac 6, 2021, Siti Shamsiah Md Supi, Pegawai Penyelidik Kanan, Pusat Kajian Syariah, Undang-undang dan Politik, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003

Ghulam Khan, I.N, Yusof, N., Hashim, H & A. Shukor, H. , Kertas Kerja Diskusi Syariah dan Undang-Undang, Siri 5, <<https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream>> accessed: 10 August 2022

Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam, Buletin Feb 2019, KRC, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor